

Sentimen Politik Semasa Di Kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor

Current Political Sentiment In DUN Paya Jaras Sungai Buloh, Selangor

Siti Zulaika Muhammad Yusof
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ljab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perubahan landskap politik pilihan raya di negara ini telah mengundang pelbagai sentimen di kalangan rakyat Malaysia. Persepsi yang dilontarkan pula berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh banyak faktor seperti maklumat politik semasa dan isu politik itu sendiri. Bermulanya situasi pandemik Covid-19, transisi politik berlaku dengan lebih ketara sama ada di peringkat nasional, negeri dan DUN. Mutakhir ini juga, senario politik sedemikian menyebabkan sedikit sebanyak mempengaruhi pilihan politik pengundi di masa hadapan. Justeru itu, tujuan artikel ini ditulis untuk menganalisis sentimen politik semasa di kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang meliputi soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Teknik menganalisis data menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Hasil kajian mendapati responden banyak memperoleh maklumat politik dan berita melalui media elektronik kerana lebih dipercayai. Majoriti responden juga menyifatkan keadaan politik semasa di kawasan kajian adalah masih baik dan berpuas hati walaupun terdapat isu semasa yang tidak sepenuhnya ditangani oleh pentadbir di kawasan DUN Paya Jaras. Namun begitu, kajian juga mendapati bahawa ramai juga yang tidak mengambil tahu tentang isu semasa berkaitan politik di kawasan kajian. Responden juga berharap agar politik dan pentadbiran dilaksanakan dengan adil, berintegriti dan profesional.

Kata kunci: politik pilihan raya, sentimen, persepsi, isu politik, pilihan politik pengundi

ABSTRACT

The changing political landscape of elections in the country has brought various sentiments among Malaysians. Perceptions are vary because they are influenced by many factors such as current political information and the political issue itself. With the start of the Covid-19 pandemic situation, the political transition took place more significantly at the national, state and DUN levels. More recently, such a political scenario has to some extent influenced the political choices of voters in the future. Therefore, the purpose of this article is written to analyze the current political sentiment in the Paya Jaras DUN, Sungai Buloh, Selangor. This study uses field data collection methods consisting of questionnaires, interviews and field observations. The techniques used to analyze the data was using Statistical Package for Social Science (SPSS). The research has found that respondents obtain a lot of political information and news through electronic media because it is more reliable. The majority of respondents also described the current political situation in the study area is still good and satisfied although there are current issues

that are not completely addressed by the administrators in the Paya Jaras state constituency. However, study also found that many are also unaware of current political issues in the study area. Respondents also hoped that the political and administrative would be implemented fairly, with integrity and professionalism.

Keywords: *electoral politics, sentiments, perceptions, political issues, political choices of voters*

1. Pengenalan

Sejak 31 Ogos 1957, Malaysia telah mencapai keamanan dan situasi politik Malaysia berada dalam keadaan yang stabil sehinggalah pada tahun 1969 yang menyaksikan pertumpahan darah akibat sentimen perkauman yang menjadi titik tolak perubahan politik Malaysia. Kejadian tersebut sangat digeruni oleh semua kaum dan berharap tidak akan berulang sama sekali. Mutakhir ini, politik negara masih mengalami konflik dan pelbagai isu politik dalaman. Sentimen politik juga cenderung berubah mengikut isu politik semasa dan juga fenomena politik baru tercetus kerana perubahan generasi, teknologi dan pemikiran yang lebih moden. Semenjak PRU 2008, senario politik menunjukkan perubahan dan ia dapat dilihat melalui pilihan raya yang diadakan (Marshelayanti & Wan 2020). BN merupakan parti yang menerima kekalahan besar dan berlanjutan dalam Pilihan Raya Kecil selepas PRU 2008. Beberapa isu, kontroversi dan kelemahan pentadbiran kerajaan diteraju BN memburukkan lagi reputasi BN di mata rakyat, terutamanya golongan muda/belia (Mujibu, Zaliha & Badrul 2010).

Fenomena ini sangat menarik kerana ia dianggap baru apabila ciri-ciri politik lama seperti politik hegemoni, perkauman, politik pembangunan dan seterusnya yang diamalkan oleh gabungan parti-parti etnik utama dalam parti pemerintah BN yang diterajui UMNO sudah mula lekang dan ditinggalkan (Mujibu, Zaliha & Badrul 2010). Kini, negara sekali lagi menyaksikan fenomena politik mengenai perubahan struktur pemerintahan negara yang melibatkan perletakan jawatan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Peristiwa tersebut telah membawa pertukaran kabinet secara besar-besaran dan kemelut politik kerajaan terus berlanjutan dan disertai dengan peningkatan wabak Covid-19 di negara pada Mac 2020. Justeru itu, situasi tersebut telah meletakkan politik negara dan juga negeri dalam kekacauan. Justeru, kajian ini melaporkan hasil kajian yang menjelaskan sentimen politik semasa di kawasan DUN Paya Jaras Sungai Buloh, Selangor.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Kajian Luar Negara*

Kajian oleh Aurel Croissant & Pojar (2005) menjelaskan tentang sentimen populisme politik pula yang mengambil tempat di Thailand semasa pilihan raya umum pada tahun 2001 diterajui dengan kemenangan Parti Thai Rhak Thai yang diketuai Thaksin Shinawatra. Strategi beliau adalah dengan menjalankan kempen pemilihan paling mahal dan sangat *populist* dalam sejarah Thailand. Namun begitu, biarpun TRT berjaya menjadi pemerintah tunggal pertama namun terdapat implikasi yang bakal melanda suasana politik di Thailand pada masa akan datang seperti kemerosotan ekonomi, persaingan parti-parti kuat dan juga keraguan dalam ketelusan, kualiti dan

akuntabiliti parti TRT. Faktor ini berkemungkinan akan memberi transformasi politik pilihan raya di Thailand kelak.

2.2 *Kajian Dalam Negara*

Fuad et al. (2012) dalam kajian 'Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan 'Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011' menunjukkan bahawa isu pembangunan dijadikan modal kempen utama pihak BN manakala parti pembangkang mengetengahkan isu seperti kenaikan harga bahan api dan harga barang dalam kempen mereka. Kedua-dua pihak, parti yang memerintah dan parti pembangkang menyedari kepentingan faktor ekonomi ini sebagai isu yang boleh mempengaruhi pengundi Parti pembangkang juga memanipulasi isu tanah NCR dan rasuah serta kepimpinan Ketua Menteri Sarawak dalam siri ceramah politik dan risalah mereka. Dari aspek persepsi politik dalam kalangan muda pula, majoriti golongan muda menyokong aspirasi Kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara.

Dalam kajian Junaidi, Fuad & Faidz (2011) menjelaskan sentimen budaya dalam politik Melayu ketika pilihan raya kecil di Hulu Selangor yang mendapati bahawa pengundi Melayu menentukan kemenangan sesuatu calon pada pilihan raya kecil ini. Budaya politik Melayu iaitu Sultan/Raja, Islam, Bahasa Melayu, ekonomi dan *universal* (politik baru) menjadi faktor sokongan pengundi melayu yang mempengaruhi pola pengundian bagi etnik Melayu. Isu moral calon PKR dan keceluparan pemimpin PAS ketika mengeluarkan kenyataan semasa kempen PRK Hulu Selangor memberi faedah kepada BN kerana budaya politik Melayu tidak mengingkari dan menderhaka kepada Sultan.

3. **Metodologi dan Kawasan Kajian**

3.1 *Tata cara pengumpulan data*

Pengumpulan data terbahagi kepada data primer dan sekunder. Data primer dikumpulkan melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan data statistic dan *score sheet* keputusan PRU-14.

Pengkaji membuat soal selidik terhadap penduduk di kawasan DUN Paya Jaras melibatkan kawasan bandar iaitu Bandar Baru Sungai Buloh Utara dan kawasan kampung iaitu Paya Jaras Hilir. Soal selidik ini dirangka berdasarkan objektif khusus kajian pengkaji. Perlaksanaan soal selidik akan dibuat dengan memilih responden berumur 21 tahun dan ke atas dan secara rawak di kawasan kajian untuk menjawab soalan yang diedarkan oleh pengkaji namun maklumat berhubung responden adalah dirahsiakan. Proses soal selidik dimulakan dengan penerangan ringkas daripada pengkaji dan responden diberi masa selama beberapa puluh minit untuk menjawab. Bahagian soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A mengandungi demografi responden, Bahagian B ialah sumber maklumat politik dan isu semasa, Bahagian C ialah persepsi responden terhadap isu politik pilihan raya dan bahagian D ialah pilihan politik dan harapan responden. Soalan yang disoal selidik berjumlah sebanyak 67 soalan merangkumi soalan objektif dan beberapa soalan subjektif. Jumlah sampel responden yang diambil adalah seramai 50 orang iaitu 25 responden di kawasan bandar dan 25 responden di kawasan kampung. Dari segi persampelan mengikut etnik, pengkaji akan menyoal selidik

responden sekitar 70 peratus daripada etnik Melayu, 20 peratus etnik Cina dan 10 peratus etnik India.

Kaedah temu bual pula memerlukan pengkaji mengatitkan temujanji dengan responden terpilih untuk ditemu bual secara bersemuka. Soalan yang ditemu bual melibatkan soalan berkaitan isu dan persepsi responden yang terdapat dalam objektif khusus kajian. Jumlah informan bersemuka yang dipilih adalah 3 hingga 4 orang.

Kaedah pemerhatian pula melibatkan pengkaji secara langsung dengan melawat kawasan terpilih di DUN Paya Jaras. Jenis tempat perhatian yang difokuskan adalah melawat pusat khidmat masyarakat Parlimen dan ADUN, pejabat berkuasa tempatan dan daerah serta kawasan bandar dan kampung yang terpilih di DUN Paya Jaras untuk melihat tingkah laku sebagaimana ia benar-benar berlaku dan mencatatkan ciri menonjol bagi tingkah laku subjek.

Kaedah rujukan data statistik kaum pula merujuk jadual statistik dari aspek kaum, umur dan jantina pendaftar mengikut Daerah Mengundi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang diwartakan pada tahun 2018. Data ini berfungsi untuk membantu dalam menjelaskan struktur demografi pengundi di kawasan kajian. Rujukan *score sheet* keputusan PRU 2018 pula adalah untuk melihat jumlah undian berdasarkan saluran mengundi dan daerah mengundi dengan mengikut calon/parti politik yang telah bertanding di kawasan kajian. Data ini bermanfaat untuk pengkaji dalam mengenalpasti pola pengundian pengundi mengikut kajian.

Berkaitan data sekunder, pengguna menggunakan kaedah kepustakaan seperti artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan seminar, serta buku ilmiah. Melalui kaeda ini, maklumat seperti definisi dan konsep yang terdapat dalam kajian dapat diperoleh. Selain itu, pengkaji juga dapat juga membuat penelitian terhadap sorotan kajian lepas sebagai panduan dalam menulis kajian ini. Berdasarkan itu juga, pengkaji berupaya untuk merangka isi kandungan borang soal selidik.

Bagi kaedah ini juga, pengkaji mendapatkan data melalui laman web, akhbar online, Youtube, Twitter, Instagram dan Facebook dari aspek data semasa yang menunjukkan trend terkini berkaitan tajuk kajian yang dilaksanakan. Kaedah ini menggunakan laman web rasmi yang dikira sebagai sumber data sah dan dipercayai. Dengan ini dapat membantu pengkaji memperoleh data yang sudah tidak diterbitkan ataupun data yang melibatkan kajian dari tahun yang lepas.

3.2 Analisis data

Untuk bahagian ini, pengkaji mengaplikasikan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) dalam menganalisis data soal selidik yang disokong dengan maklumat temu bual, data statistik dan maklumat sekunder untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian ilmiah. Data yang telah dianalisis dibentangkan dengan bantuan rajah, graf dan carta bagi memudahkan memahami hasil kajian tersebut. Dengan cara menyusun data, pengkaji dapat membuat analisis berkaitan dengan objektif kajian.


3.3 *Kawasan kajian*

Paya Jaras dibuka pada awal 1930an. Nama 'Paya' diberi dari kawasan kampung yang berpaya sepanjang sungai Sungai Buloh yang meliputi kawasan kampung pada waktu itu, manakala nama 'Jaras' pula diberi dari nama pokok spesies bakau yang banyak terdapat kawasan paya di kampung ini. Ketua kampung pertama memotong pokok itu kepada empat bahagian, mewakili empat kampung yang diberi nama Paya Jaras Tengah, Paya Jaras Dalam, Paya Jaras Hulu dan Paya Jaras Hilir. Gelaran Ketua Kampung ialah 'Tok'; contohnya Ketua Kampung Paya Jaras Hilir digelar Tok Empat (4).

Ketua Kampung pertama yang membuka kampung Paya Jaras ialah Baie bin Duawan, berketurunan Melayu Minang berasal dari Padang, Indonesia yang telah datang ke Malaysia sekitar awal 20-an. Sempena mengingati pengorbanan dan jasa beliau, sebatang jalan mengabadikan namanya, iaitu Jalan Haji Baie yang terletak di Kampung Paya Jaras Hulu. Kini Paya Jaras mempunyai hampir 70 ribu penduduk yang majoriti berbangsa Melayu, dan ditadbir di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Paya Jaras ialah sebuah kampung yang terletak di dalam mukim Sungai Buloh (1) dalam Daerah Petaling. Paya Jaras terbahagi kepada empat cabang iaitu Paya Jaras Hulu, Paya Jaras Hilir, Paya Jaras Tengah dan Paya Jaras Dalam. Terdapat kampung lain juga yang berada dalam Mukim Sungai Buloh iaitu Kampung Kubu Gajah, Merbau Sempak dan Sungai Plong. Institusi pendidikan yang terdapat di kawasan ini adalah Sekolah Menengah Agama Paya Jaras dan Sekolah Rendah Agama Paya Jaras. Tempat beribadat di kawasan ini pula ialah Masjid al-Huda Paya Jaras, Surau al-Kasaniah Paya Jaras Dalam dan Surau al-Jamaiyah Paya Jaras Hilir.

DUN Paya Jaras berada di bawah Parlimen Sungai Buloh bersekali dengan DUN Kota Damansara (Lihat Rajah 1). DUN Paya Jaras merangkumi kawasan Daerah Mengundi Petempatan Sungai Buloh, Bandar Baru Sungai Buloh Utara, Bukit Rahman Putra, Merbau Sempak, Paya Jaras, Bandar Baru Sungai Buloh Selatan, Sungai Pelong, Paya Jaras Hilir, Matang Pagar, Kubu Gajah dan Taman Saujana Utama.



RAJAH 1. Persempadanan kawasan DUN Paya Jaras

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Sumber maklumat politik dan isu semasa*

4.1.1 *Sumber maklumat paling dipercayai*

Antara sumber maklumat yang telah dipilih, dapatan kajian menunjukkan responden paling mempercayai sumber daripada media elektronik sebanyak 34% (Lihat Jadual 1). Responden lebih bergantung kepada medium media elektronik kerana setiap isi rumah mempunyai televisyen dan ia menjadi sumber politik semasa yang utama serta kesahihan berita dari agensi kerajaan dan organisasi yang rasmi dan tepat berbanding sumber media yang lain.

Media elektronik paling banyak dipilih adalah TV3 dengan jumlah peratusan sebanyak 76%. TV3 adalah saluran televisyen yang paling mudah didapati untuk ditonton dan juga

dianggap saluran televisyen tempatan buletin berita popular yang lebih konsisten dalam menyiarkan berita alam sekitar secara harian dan bersilang dengan isu sains, ekonomi, politik dan sosial (Prasad et al. 2009). Manakala, Astro Awani dipilih sebanyak 26% kerana Astro Awani membawa berita yang telus dan realistik dan diikuti dengan TV1 (22%).

JADUAL 1. Sumber maklumat elektronik

Media Elektronik	Peratus (%)
Tv3	76
Asro Awani	26
Tv1	22
Radio	18
Tv2	16
Bername TV	12
Tv9	12
Al-Hijrah	10
Tv7	8
Tv8	6
Papan kenyataan digital	4
Astro AEC	4

Sumber: Soal selidik 2020

4.2 *Persepsi Responden Terhadap Isu Politik Pilihan Raya*

4.2.1 *Pandangan Terhadap Sentimen Rakyat Kepada Senario Politik Semasa Pada Masa Sekarang*

Merujuk kepada pandangan responden terhadap sentimen rakyat kepada senario politik semasa pada masa sekarang, 64% menjawab tidak gembira dengan senario politik sekarang. Majoriti responden menyatakan kemarahan terhadap isu pemimpin politik yang bersikap penting diri, tidak matang dan banyak bertelagah menyebabkan situasi politik tidak harmoni. Rakyat juga sudah tidak sependapat kerana perbezaan pandangan politik yang menjurus kepada perpecahan rakyat. Ramai rakyat berasa marah kerana isu Covid-19 yang semakin meruncing sepatutnya diberi keutamaan demi kesejahteraan rakyat dan bukannya mencapai kepentingan politik masing-masing.

Terdapat juga yang sejumlah 24% responden yang memilih jawapan ‘tidak pasti’. Responden menyatakan rasa keliru dengan kancas politik yang tidak menentu. Responden memberi jawapan “atas pagar” dengan alasan situasi politik terkini sebahagiannya memberi kelebihan kepada rakyat dan sebahagiannya tidak. Rakyat berhak berasa marah tetapi tidak berhak mencampuri urusan kerajaan. Segelintir menyatakan mereka tidak kisah asalkan tidak berada di bawah pentadbiran DAP.

Walau bagaimanapun, sejumlah 12% responden berpandangan rakyat berasa gembira dengan senario politik sekarang. Responden beranggapan ada rakyat yang suka apabila politik negara pada masa ini dilihat memihak kepada Tan Sri Muhyiddin dan dipimpin oleh beliau. Rakyat yakin dan gembira kerana politik kini lebih terarah kepada politik Melayu-Islam dan kerajaan kini banyak menolongmeringankan beban rakyat dari segi kebajikan dan ekonomi

seperti Pakej Rangsangan Ekonomi, Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah dan inisiatif Geran Khas PRIHATIN.

Ketika menemubual beberapa informan yang telah dipilih dan antaranya adalah YB Tuan Mohd Khairuddin Othman, ADUN Paya Jaras, beliau berpendapat seperti berikut:

“Saya rasa rakyat marah dengan orang politik sebab keadaan tak stabil.”

(YB Tuan Mohd Khairuddin Othman, 6 Disember 2020)

Selain itu, pendapat sedemikian turut dinyatakan oleh Encik Mohamad Atam Bohari selaku Setiausaha UMNO Bahagian Sungai Buloh seperti berikut:

“Rakyat memang tidak suka dengan keadaan politik sekarang sebab senario begini tidak pernah berlaku dalam kebanyakan sejarah politik.”

(Encik Mohamad Atam Bohari, 11 Disember 2020)

Informan ketiga iaitu Ustaz Zaharudin Muhammad, Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Sungai Buloh pula berpendapat bahawa:

“Rakyat lebih mengutamakan keselamatan dan sumber ekonomi mereka berbanding dengan isu politik semasa.”

(Ustaz Zaharudin Muhammad, 30 Disember 2020)

4.2.2 Pandangan Terhadap Penguasaan PKR Di DUN Paya Jaras

Kajian ini turut menghuraikan pandangan responden terhadap penguasaan PKR di DUN Paya Jaras. Berdasarkan Jadual 2, pandangan ‘saya menyokong penguasaan PKR di DUN Paya Jaras’ mendapat peratus dominan iaitu sebanyak 57.4%. Ramai responden berpuas hati dengan ciri kepimpinan yang ditunjukkan oleh pemimpin PKR. Berdasarkan persepsi terhadap kepimpinan parti ini yang mempamerkan nilai keprihatinan, mesra rakyat, amanah dan jujur, responden menjadikan nilai tersebut sebagai alasan mengapa mereka menyokong penguasaan PKR di DUN Paya Jaras.

JADUAL 2. Pandangan terhadap penguasaan PKR di DUN Paya Jaras (Peratus)

Bil.	Pandangan terhadap penguasaan PKR di DUN Paya Jaras	Setuju	Tidak setuju
1.	Saya menyokong penguasaan PKR di DUN Paya Jaras.	57.4	42.6
2.	Parti ini tidak boleh bertahan lama di kawasan ini.	50.0	50.0
3.	Parti ini mampu pula menggantikan Kerajaan Persekutuan.	32.6	67.4
4.	Parti ini boleh menang pada peringkat nasional dalam PRU-15 akan datang.	32.6	67.4
5.	Parti ini memecah-belahkan perpaduan kaum di sini.	37.0	63.0

Sumber: Soal selidik 2020

Namun begitu, sejumlah 50% pula memberikan pandangan ‘parti ini tidak boleh bertahan lama di kawasan ini’. Hal ini kerana masih ada sebahagian responden yang lebih memilih parti yang menerajui DUN Paya Jaras sebelum ini iaitu PAS dan BN. Tambahan itu, persepsi terhadap pucuk pimpinan parti ini iaitu PH yang terpalit dengan pebagai isu kepimpinan menjadikan

responden menganggap parti ini tidak mampu bertahan lama di kawasan ini pada penggal seterusnya.

Selain itu, 37% responden memberi tanggapan ‘parti ini memecah-belahkan perpaduan kaum di sini’. Namun hanya segelintir yang merasakan parti ini membawa sentimen perkauman atas faktor terdapat responden yang hanya mengamalkan konsep politik Melayu –Islam. Melihat kepada isu pucuk pimpinan PKR iaitu PH yang disifatkan agak condong ke arah liberal dan pengundi Melayu di kawasan ini masih percaya PH dikawal DAP, lantas persepsi sedemikian menyebabkan sejumlah responden bersetuju dengan pandangan tersebut.

Seterusnya 32.6% masing-masing bagi pandangan mengenai ‘Parti ini mampu pula menggantikan Kerajaan Persekutuan’ dan ‘Parti ini boleh menang pada peringkat nasional dalam PRU-15 akan datang’. Pandangan ini disokong oleh segelintir responden yang melihat PKR sebagai parti yang berpotensi untuk mentadbir pada peringkat negara.

4.2.3 Pandangan Tentang Keadaan Politik Semasa Di Kawasan Kajian

Mengenai pandangan responden tentang keadaan politik semasa di kawasan kajian, 41.7% responden menyatakan bahawa keadaan politik adalah dalam keadaan baik. Responden berpandangan sedemikian kerana situasi semasa masih aman dan damai tanpa berlaku pergaduhan atau kekecohan akibat politik, maka mereka menganggap keadaan politik semasa di kawasan kajian adalah tidak teruk seperti yang dihebahkan. Selain itu, pentadbiran politik di kawasan kajian juga masih mementingkan kebajikan rakyat melalui program agihan keperluan asas harian, persekolahan, penyelenggaraan infrastruktur dan bantuan ekonomi. Perkara ini menjadi petunjuk bahawa keadaan politik berjalan lancar di kawasan kajian.

Sejumlah 16.7% responden berpendapat bahawa senario politik semasa di kawasan adalah tidak baik. Hal ini kerana pergolakan politik negara memberi tanggapan bahawa keadaan politik di kawasan kajian turut dipengaruhi dengan ketidakstabilan kepimpinan politik di peringkat negara. Krisis air yang dipolitikkan menunjukkan ahli politik ini hanya menggunakan masalah tersebut sebagai modal untuk menuding jari menyalahkan antara satu sama lain dan memanjangkan lagi krisis tersebut. Justeru itu, responden menyatakan isu tersebut menyumbang kepada keadaan politik yang tidak baik di kawasan kajian.

Seterusnya 41.7% responden menyatakan jawapan ‘tidak pasti’. Hal ini kerana sebahagian besar responden ada yang tidak mengetahui mengenai perubahan keadaan politik semasa di kawasan kajian kerana sibuk bekerja dan telah kesuntukan masa untuk mengambil tahu perkembangan keadaan politik. Selain itu, responden juga tidak kisah akan keadaan politik semasa kerana dianggap tidak begitu penting untuk diberi perhatian.

4.2.4 Faktor Isu Politik Semasa Yang Dapat Mempengaruhi Senario Politik Di Kawasan Kajian

Faktor isu politik semasa yang dapat mempengaruhi senario politik di kawasan kajian turut ditanyakan kepada responden. Faktor isu rasuah/politik wang telah mendapat peratusan paling dominan iaitu 80% responden (Lihat Jadual 3). Rasuah yang berterusan berlaku akan mempengaruhi kestabilan politik akibat terdapat ketidakadilan dalam menyalurkan hak yang sepatutnya kepada individu/organisasi/golongan yang memerlukan. Responden berpendapat isu rasuah atau politik wang ini masih dilakukan demi mengukuhkan kedudukan seseorang

pemimpin parti tanpa adanya akauntabiliti dan masalah ini akan mengundang persepsi negatif kerana rakyat sukar untuk percaya kepada mana-mana pentadbiran politik lagi seterusnya menimbulkan keadaan politik yang huru-hara.

JADUAL 3. Faktor isu politik semasa yang dapat mempengaruhi senario politik di kawasan kajian (Peratus)

Bil.	Isu politik	Pengaruh						
		Sangat pengaruhi	Pengaruh	PENGARUHI	TIDAK PASTI	Sangat tidak pengaruhi	Tidak pengaruhi	TIDAK PENGARUHI
1.	Rasuah/ politik wang	48	32	80	14	0	6	6
2.	Isu kepimpinan	28	46	74	20	2	4	6
3.	Petempatan/ perumahan	18	42	60	34	0	6	6
4.	Alam sekitar	16	40	56	32	2	10	12
5.	Pekerjaan	18	36	54	36	0	10	10

Sumber: Soal selidik 2020

Isu kepimpinan pula dipilih oleh 74% responden. Responden berpendapat kepimpinan yang lemah akan meruntuhkan pembangunan sosial, ekonomi dan kestabilan politik. Hal ini kerana apa-apa polisi yang dibentuk dan amalan tadbir urus adalah cenderung untuk tidak telus dan dilaksanakan dengan integriti. Kemudian ia boleh menjurus kepada kegagalan terhadap sistem penyampaian oleh kerajaan yang mendedahkan sesuatu pentadbiran itu kepada penyelewengan dan gejala rasuah. Kemerossotan integriti menjadi petunjuk bahawa gaya kepimpinan itu tidak menunjukkan teladan yang baik dan menimbulkan perselisihan, kecelaruan dan ketidakcekapan yang seterusnya mempengaruhi keadaan politik di kawasan kajian.

Isu petempatan/perumahan disokong oleh 60% responden. Isu perumahan dapat mempengaruhi sokongan pengundi dalam pilihan raya kelak kerana adanya kuasa politik yang didominasi oleh kaum tertentu di sesuatu tempat itu. Sebagai contoh, kawasan kajian di luar bandar didominasi oleh kaum Melayu dan ini menunjukkan sokongan majoriti datang daripada oleh kaum Melayu berbanding kaum minoriti yang lain. Selain itu, isu perumahan yang berkait rapat dengan isu kenaikan kos, dasar perumahan, kekurangan perumahan dan kekurangan dana penyelenggaraan menyumbang kepada konflik yang membawa potensi dalam persekitaran politik kepada parti lawan. Justeru itu, isu ini mempengaruhi geopolitik di kawasan kajian.

Kemudian, faktor isu alam sekitar mendapat peratusan sebanyak 56% responden. Isu alam sekitar merangkumi isu seperti perlaksanaan dasar, pengurusan sampah sarap, isu bekalan air, pencemaran dan penyelenggaraan kemudahan awam. Responden amat mementingkan isu alam sekitar untuk memastikan kehidupan mereka yang selesa. Jika terdapat wakil rakyat yang kerap turun padang dan mengawasi masalah alam sekitar, ia menjamin pembangunan alam sekitar yang seimbang dan lestari untuk persekitaran pengundi. Dengan ini, kebijaksanaan pengurusan alam sekitar oleh sesebuah parti politik itu boleh memberi persepsi positif dan yakin kepada pengundi dan dapat mempengaruhi keadaan politik alam sekitar di kawasan kajian.

Isu pekerjaan dengan jumlah peratusan sebanyak 54% menjadi antara faktor isu yang dapat mempengaruhi keadaan politik di kawasan kajian. Ini berlaku kerana responden mahukan isu pekerjaan ini diatasi dengan dasar yang lebih logik mengikut keadaan ekonomi masa kini. Pengundi belia terutamanya mahukan peluang pekerjaan diutamakan kepada golongan muda dan disertai dengan kenaikan dalam penetapan gaji minimum. Isu ini dapat mempengaruhi keadaan

politik di sini kerana ia melibatkan kestabilan pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan kajian.

4.3 Pilihan Politik dan Harapan Responden

4.3.1 Kriteria Parti Politik Yang Paling Disokong

Berdasarkan Jadual 4, 36% responden menyatakan bahawa kriteria utama pemilihan parti politik adalah yang mempunyai pemimpin berwibawa, berpendidikan tinggi dan bersih. Pemimpin yang berwibawa dan berpendidikan tinggi jelas memiliki kemampuan untuk berfikir dalam pelbagai pendekatan dengan cepat, tepat dan berhemah tinggi hingga tidak mudah terpengaruh dengan isu remeh. Selain itu, kriteria parti yang memperjuangkan kebajikan rakyat juga disokong oleh 16% responden kerana rakyat masih mengharapkan supaya ada parti yang benar-benar ikhlas berkhidmat dan mendahulukan rakyat. Parti yang mempunyai trek rekod yang baik pula disokong oleh 12% responden. Parti yang tidak terpalit dengan isu rasuah, kronisme, penyalahgunaan kuasa, bersifat perkauman dan berprestasi cemerlang sepanjang pentadbiran mereka menjadi pilihan rakyat.

JADUAL 4. Kriteria parti politik yang paling disokong

Bil.	Kriteria parti politik yang paling disokong	Peratus Ya
1.	Mempunyai pemimpin yang berwibawa, berpendidikan tinggi dan bersih	36
2.	Memperjuangkan kebajikan rakyat	16
3.	Memiliki trek rekod yang baik	12
4.	Dapat menunaikan janji	10
5.	Mempertahankan maruah agama dan bangsa	10
6.	Mesra rakyat	8
7.	Mampu memacu pembangunan setempat dan negara	4
8.	Memperjuangkan isu kemanusiaan	2
9.	Memperjuangkan isu alam sekitar	2

Sumber: Soal selidik 2020


4.3.2 Parti Yang Dijangkakan Akan Menang Dalam Pilihan Raya Umum Akan Datang Pada Peringkat DUN dan Parlimen Di Kawasan Kajian

Kajian ini juga turut meminta pandangan responden mengenai jangkaan parti yang akan menang dalam PRU akan datang pada peringkat DUN dan Parlimen di kawasan kajian. Pandangan ini juga untuk mengetahui kecenderungan pilihan parti politik responden di kawasan DUN Paya Jaras dan Parlimen Sungai Buloh.

Rajah 2 menunjukkanajah peratusan parti yang dijangka akan menang oleh responden bagi peringkat DUN di Paya Jaras sekiranya PRU-15 dilaksanakan. Sebanyak 46.2% responden menjangka PN boleh menang pada PRU akan datang. Kebanyakan responden di kawasan kajian menunjukkan persepsi yang positif terhadap pimpinan Kerajaan Pusat yang diterajui PN. Ini menunjukkan bahawa PN mendapat sokongan yang agak memberangsangkan daripada pengundi. Selain itu, PN dilihat sebagai kerajaan yang prihatin dan dekat dengan rakyat. Gaya kepimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin disifatkan mempunyai nilai pemimpin yang mempunyai pengetahuan agama disukai oleh responden di kawasan kajian. Faktor sedemikian berpotensi memberi kelebihan kepada PN dan dijangka boleh menang pada PRU-15 di DUN Paya Jaras ini.

Sebanyak 33.3% pula menjangkakan PH boleh menang pada PRU akan datang di DUN Paya Jaras. Hal ini kerana responden masih menyokong kepimpinan PKR (PH) yang dilihat progresif dan bertindak mengikut perkembangan isu semasa dengan cepat di kawasan kajian. PKR (PH) juga dinilai sebagai parti yang masih boleh dipercayai dan kukuh untuk memegang DUN Paya Jaras. Responden juga menyifatkan sudah selesai dengan pentadbiran PKR (PH) di DUN Paya Jaras setakat ini dan tidak ada masalah jika PKR (PH) terus menguasai DUN Paya Jaras. Justeru itu, sebab tersebut menyebabkan PKR (PH) dijangka boleh menang di peringkat DUN Paya Jaras lagi sewaktu PRU-15.

Sebanyak 20.5% responden memilih 'lain-lain' sebagai parti yang dijangka menang dalam pada peringkat DUN Paya Jaras kelak. Parti lain yang dipilih adalah PAS kerana responden menyukai pemimpin PAS yang dilihat dekat dan sentiasa menziarahi penduduk di kawasan kajian. Selain itu, responden juga menyokong aktiviti keagamaan yang dilaksanakan di kawasan kajian dan PAS juga dilihat aktif dalam memberi sumbangan bantuan kebajikan kepada penduduk di kawasan kajian misalnya apabila kejadian banjir berlaku. Usaha parti ini dihargai oleh pengundi di kawasan kajian dan faktor ini menyebabkan responden menjangka parti ini boleh menang di DUN Paya Jaras ketika PRU kelak.



RAJAH 2. Parti yang dijangkakan akan menang dalam Pilihan Raya Umum Akan Datang bagi DUN Paya Jaras (Peratus)


Sumber: Soal selidik 2020

Bagi peringkat Parlimen pula, 46.3% responden menjangkakan PN akan menguasai Parlimen Sungai Buloh pada PRU akan datang. Hal ini kerana PN dilihat mempunyai prestasi yang baik dalam menyampaikan khidmat kepada rakyat. Pengundi yakin terhadap PN dengan dasar politik yang bertunjangan politik penyatuan dan pembangunan. Kejayaan PN dalam mengatasi isu Covid-19 pada peringkat awal telah memberi persepsi yang positif terhadap parti

tersebut. Kelebihan tersebut menyebabkan responden menjangkakan PN boleh menang pada peringkat Parlimen Sungai Buloh pada PRU-15.

Selanjutnya, sebanyak 34.1% responden menyatakan PH akan menang berdasarkan pengalaman dan kecemerlangan PH dalam membawa kemajuan kawasan dan masyarakat di kawasan ini. Mereka percaya dengan prinsip keadilan dan penyatuan semua kaum yang diamalkan parti tersebut. PH juga dilihat telah mewujudkan situasi politik yang stabil dan bersih di kawasan kajian. Justeru itu responden menjangkakan PH akan menang lagi di peringkat Parlimen Sungai Buloh ketika PRU-15 akan datang.

Namun demikian 19.5% memilih parti lain-lain kerana percaya selain PH dan PN, mana-mana parti lain boleh membawa pembangunan yang lebih mantap di Sungai Buloh. Kerelevanan PH dan PN dalam mentadbir dianggap tidak mampu bertahan lama. Pengundi belia yakin jika ada parti yang diterajui oleh orang muda akan lebih kompetitif dan membawa suasana politik yang lebih segar di Sungai Buloh. Dengan ini, responden menjangkakan parti selain PH dan PN boleh memenangi Parlimen Sungai Buloh pada PRU akan datang.



RAJAH 3. Parti yang dijangkakan akan menang dalam Pilihan Raya Umum akan datang bagi Parlimen Sungai Buloh (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2020

4.3.2 Situasi Dan Harapan Terhadap Politik Dan Pemerintahan/Pentadbiran Negeri Selangor dan Negara

Dalam konteks harapan responden terhadap politik dan pentadbiran di Selangor dan negara, responden berharap agar politik dan pentadbiran di kedua-kedua peringkat dilaksanakan dengan adil dan saksama. Hal ini kerana pihak berkuasa kerajaan mestilah menyampaikan kehendak rakyat yang diterjemahkan melalui pilihan raya yang telus, sama rata dan adil. Selain itu, responden juga mahukan keadilan yang berterusan apabila mengenakan tindakan undang-undang

yang tidak membezakan mana-mana golongan mengikut kedudukan tertentu dan juga memudahkan kehidupan rakyat.

Seterusnya, responden berharap supaya ahli politik mengurangkan perbalahan kuasa untuk kepentingan sendiri. Responden mahu pemimpin politik supaya melihat kepada isu sebenar yang memberi kesan kepada rakyat dan fokus untuk memerangi wabak Covid-19 yang semakin meruncing. Responden berharap persaingan politik di negara ini dilaksanakan dengan lebih matang dan pentadbiran yang lebih licin supaya tidak berlaku pergeseran yang akhirnya mengeruhkan suasana politik di negara ini.

Responden juga berharap agar kepimpinan politik dan pentadbiran diamalkan dengan integriti, bersih dan profesional kerana ia mencerminkan nilai pemimpin yang amanah, telus dan jujur. Hal ini juga akan membawa kepada kurangnya amalan rasuah yang dipercayai akan menggugat keamanan negara. Selanjutnya, ia akan membina institusi politik yang dipercayai dan rakyat akan lebih menghormati pimpinan yang tidak terpalit dengan budaya rasuah.

Di samping itu, responden juga mahukan pimpinan parti baru di mana mereka berharap sistem politik dan pentadbiran di negara ini memberi peluang kepada orang muda untuk memimpin. Mereka juga mengharapkan parti baru yang lebih berintegriti, tidak taksu kuasa dan mementingkan keperluan rakyat. Responden mahukan perubahan yang lebih progresif dan realistik dalam dasar pentadbiran supaya selari dengan perkembangan keperluan rakyat dari pelbagai aspek.

5. Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, responden banyak memperoleh maklumat politik dan berita melalui media elektronik kerana lebih dipercayai. Majoriti responden juga menyifatkan keadaan politik semasa di kawasan kajian adalah masih baik dan berpuas hati walaupun terdapat isu semasa yang tidak sepenuhnya ditangani oleh pentadbir di kawasan DUN Paya Jaras. Namun begitu, ramai juga yang tidak mengambil tahu tentang isu semasa berkaitan politik di kawasan kajian. Responden juga berharap agar politik dan pentadbiran dilaksanakan dengan adil, berintegriti dan profesional. Justeru, persepsi memberi pengaruh besar terhadap situasi politik di sesebuah kawasan dan sudah tiba masanya politik di negara ini berubah dengan budaya politik yang matang dan lebih berintegriti supaya pemimpin dan parti dipercayai oleh rakyat. Kajian ini penting untuk menjadi rujukan dalam bidang berkaitan dan permasalahan isu atau dasar kelak.

Rujukan

- Abd Muis, Mujibu and Hussin, Zaliha and Mohamed@Bakar, Badrul Azmier. (2010). Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca pilihan raya umum ke-12. *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010)*, hlm. 411-442.
- Aurel Croissant, A. & Pojar, D. J. (2005). Quo Vadis Thailand? Thai Politics after the 2005 parliamentary Election. *Strategic Insights*, 4(6), 1-19.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohad Zain. (2011). Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*, (8), 153-172.
- Marshelayanti Mohamad Razali & Wan Asna Wan Mohd Nor. (2020). Masyarakat dan Politik di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas Dlm. Siti Noranizahhafizah binti Boyman (pnyt.). "Dinamisme Masyarakat Malaysia: Esei Sumbangsih Untuk Prof Dr Khantasamy AL Nalusamy", hlm. 163-174. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Mohamad Atam Bohari (Setiausaha UMNO Bahagian Sungai Buloh). (2020). Sentimen politik semasa di kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Temu bual, 11 Disember.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Novel Lyndon, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir & Ahi Sarok. (2012). Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 8(8), 138-148.
- N.V. Prasad. Muhammad Hatta Muhammad Tabut, Thomas Jayaprakash Yesudhasan & Mohd. Zain Dollah. (2009). Environment news broadcast in Malaysia: An analysis of prime time news coverage in local television channels. *Mass Communicator*, 4(1), 4-11.
- Tuan Mohd Khairuddin Othman (ADUN Paya Jaras). (2020). Sentimen politik semasa di kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Temu bual, 6 Disember.
- Zaharudin Muhammad (Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Sungai Buloh). (2020). Sentimen politik semasa di kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Temu bual, 30 Disember.